

Gejala LGBT menular di IPT

Kuala Terengganu: Pembabitan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) dalam gejala lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) berada pada tahap membimbangkan dan semakin menular hingga sudah terbentuk satu komuniti kumpulan itu di institusi pengajian tinggi.

Pakar motivasi, Hushim Salleh, berkata pembabitan golongan itu, termasuk di IPT awam semakin berleluasa serta bergerak pantas dan jika tidak dibendung akan membawa kepada keruntuhan institusi keluarga dan masyarakat.

"Sememangnya, amat sukar untuk mendapatkan data berhubung angka sebenar berhubung pengamal LGBT kerana kita tidak ada sampel dan golongan ini juga

19/3/13 BH
MS/NY

bergerak secara senyap dalam kalangan mereka. Mereka juga sukar dikenali kerana berkelaikan dan berpakaian seperti orang normal.

"Akan tetapi berdasarkan kes yang saya terima dan kendali, banyak sekali kes membatitkan siswa dan siswi yang terjebak dengan seks songsang," katanya ditemui selepas menghadiri Seminar Kesedaran LGBT di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), kelmarin.

Unisza adalah IPT pertama di negara ini yang mengajurkan seminar seumpama itu dan dihadiri lebih 300 pelajar.

Galakan media sosial

Hushim berkata, kemudahan akses kepada blog, laman web dan laman sosial tanpa

batasan antara faktor yang menyuburkan perkembangan gejala itu.

Sekarang ini, katanya, banyak blog seperti planet romeo, yang memaparkan dan membina jaringan komunikasi antara pengamal gay secara terang-terangan.



Gaya hidup di universiti yang bebas tanpa pemantauan ibu bapa dan guru seperti sekolah, memberi mereka ruang mengamalkan LGBT tanpa sembunyi atau dikongkong mana-mana pihak"

Hushim Salleh,
Pakar motivasi

Selain itu, beliau berkata, gaya hidup di universiti yang bebas tanpa pemantauan ibu bapa dan guru seperti sekolah, memberi mereka ruang mengamalkan LGBT tanpa sembunyi atau dikongkong mana-mana pihak.

"Di universiti, tidak ada orang peduli dan menegur penuntut. Disebabkan itulah, ada yang waktu kuliah berpakaian biasa tetapi di luar yang lelakinya bersolek dan berdandan seperti wanita," katanya.

Justeru, beliau berkata, mahasiswa perlu diberi pendekatan berhubung perlakuan songsang itu supaya mereka sedar akan kesan dan ancammannya.

"Banyak kes pelajar yang dilihat mendiamkan diri kerana malu dan tidak tahu pada siapa hendak mengadu. Lama-kelamaan mereka akan ketagih dan menjadi pengamal LGBT dengan ada antaranya menjadikan bilik asrama sebagai tempat memuaskan nafsu," katanya.

UniSZA bakal lahir usahawan berjaya

18/3/13 KOSMO MS 19

Oleh MANIRAH OTHMAN
manirah.othman@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bukan sahaja melahirkan pelajar yang cemerlang di dalam bidang akademik tetapi juga usahawan berjaya.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Yahya Ibrahim berkata, salah satu langkah ialah dengan mewujudkan Tabung Usahawan Muda Pelajar UnisZA yang menyediakan 11 unit ruang perniagaan akan mula beroperasi Mei ini.

"Kami juga dalam perancangan untuk mewujudkan Student Mall untuk membuka lebih banyak peluang kepada pelajar berniaga di dalam kampus," katanya selepas melancarkan



جامعة سلطان زين العابدين
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
ILMU DEMI FAEDAH INSAN

Portal Usahawan Siswazah UniSZA dan Penyerahan Sijil Pendaftaran Syarikat Pusat Keusahawanan UniSZA di Tok Jembal kelmarin.



YAHYA (tiga dari kiri) beramah mesra dengan penerima sijil semasa Majlis Pelancaran Portal Usahawan UniSZA di Kuala Terengganu semalam.

Mengenai portal itu, menurutnya, seramai 340 pelajarannya dengan 220 syarikat yang minat menjalankan perniagaan di dalam kampus sudah mendaftar

dan ia dilihat sebagai perkembangan baik untuk melahirkan usahawan berjaya suatu hari nanti.

Dalam perkembangan sa-

ma, menurutnya, pihaknya juga merancang untuk membina sebuah lot kedai di tepi pagar UniSZA yang dapat memberikan akses kepada ramai menggunakan perkhidmatan yang disediakan serta peluang pelajar berniaga dalam skala lebih besar.

"Mengikut perancangan ruang niaga itu termasuk hotel butik, pasar mini, dobi, klinik swasta dan banyak lagi dan keutamaan kepada

pelajar untuk menyewa ruang itu," katanya.

Sementara itu, menurut Yahya, pihaknya berhasrat mengambil alih kolej swasta sedia ada untuk menubahkan kolej universiti di bawah UniSZA Holdings tidak lama lagi.

Usaha berkenaan merupakan langkah jangka panjang universiti tersebut untuk menubahkan entiti perniagaan menggunakan kepakaran sedia ada.